



## SIARAN AKHBAR

### JERAYAWARA AMBD KE KEMENTERIAN PENDIDIKAN Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini telah mengadakan jerayawara di Kementerian Pendidikan, di mana beberapa sesi taklimat dari beberapa unit AMBD telah disampaikan kepada pegawai dan kakitangan daripada kementerian tersebut.
2. Unit Biro Kredit telah menyampaikan taklimat pertama yang bertajuk "*Credit Bureau – Its Role in Your Financial Future*", di mana peranan dan kepentingan Biro Kredit, serta perkhidmatan dan manfaat yang dapat diperolehi daripada laporan kredit telah dikongsikan.
3. Pada sesi taklimat tersebut, Unit Biro Kredit AMBD menggariskan fungsi unit tersebut, iaitu pengumpulan, penyusunan dan penggabungan maklumat-maklumat kredit daripada pembekal data yang terdiri daripada semua institusi kewangan yang berlesen di bawah AMBD, syarikat-syarikat utiliti dan juga syarikat telekomunikasi. Unit Biro Kredit juga menekankan bahawa meluluskan atau menolak permohonan pembiayaan adalah bukan tugas dan tanggungjawab AMBD ; semua proses dan keputusan berkaitan dengan meluluskan atau menolak permohonan pembiayaan adalah dikendalikan sepenuhnya oleh institusi kewangan yang berkenaan, selaras dengan dasar penilaian risiko dalaman institusi kewangan tersebut.
4. Taklimat kedua yang bertajuk "Jadilah Pintar Kewangan" telah disampaikan oleh Unit Isu Pengguna Kewangan. Taklimat ini bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan kebolehan untuk mengurus dan merancang kewangan mereka termasuk tatacara untuk mencapai matlamat kewangan masing-masing, pelindungan harta melalui insurans/takaful dan kepentingan untuk mempunyai dana kecemasan. Di antara perkara yang telah ditekankan juga termasuk pengurusan hutang secara bijak, terutama di dalam memahami impak daripada faedah yang dikompaun, berbelanja secara berhemat, dan untuk mengenalpasti ciri-ciri penipuan kewangan. Peserta juga telah diajar beberapa "*rules of thumb*" kewangan, seperti menyimpan secara aktif sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan bulanan, dan untuk mempunyai simpanan kecemasan sebanyak 3-4 kali jumlah perbelanjaan bulanan masing-masing.
5. Taklimat terakhir, iaitu mengenai dengan Perintah Matawang, 2004, telah disampaikan oleh Unit Pengurusan Matawang. Taklimat ini, antaralainnya, menerangkan tatacara yang betul dalam mengendalikan matawang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam. Unit Pengurusan Matawang juga telah mengongsikan mengenai tentang Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Dibawah perjanjian ini, autoriti monetari dan bank di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, masing-

masing akan menerima Singapore Dolar dan Ringgit Brunei pada nilai yang sama tanpa caj. Matawang Negara Brunei Darussalam yang ada dalam edaran di Republik Singapura boleh diterima sebagai ‘customary tender’ untuk membuat mana-mana pembayaran di Republik Singapura.

6. Sepanjang taklimat tersebut, Unit Biro Kredit AMBD juga menyediakan perkhidmatan *Self-Inquiry* kepada mana-mana pegawai atau kakitangan Kementerian Pendidikan yang berhasrat untuk mendapatkan laporan kredit masing-masing. Bagi tujuan untuk memastikan ketepatan maklumat di dalam laporan kredit, Unit Biro Kredit menggalakkan pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan untuk menyemak laporan kredit mereka semasa jerayawara tersebut untuk mengesahkan maklumat-maklumat yang terdapat di dalam laporan kredit mereka adalah tepat dan teratur.
7. Selain daripada itu, Unit Pengurusan Matawang, Kilang Wang Rekabentuk Matawang dan Galeri juga membuka kaunter sementara bagi penjualan dan galeri duit-duit syiling kenangan Brunei.
8. Jerayawara ini adalah jerayawara kelima daripada siri jerayawara yang dikendalikan oleh AMBD ke Kementerian-Kementerian dengan tujuan untuk memberi gakan peranan AMBD dan seterusnya meningkatkan celik kewangan terhadap pegawai dan kakitangan agensi-agensi kerajaan. Jerayawara yang serupa juga pernah diadakan sebelum ini bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 18 Safar 1438/ 18 November 2016